

**21/03/2016 - Majlis Makan Malam KSN Bersama Peserta Program Diploma Pascasiswazah  
Pengurusan Awam INTAN Tahun 2015**

Bismillahirrahmanirahim,

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,  
Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia.

Terima kasih Saudara Muhammad Zulhusni bin Munir dan Saudari Nadirah binti Hamid selaku Pengacara Majlis pada malam ini.

YBhg Datuk Seri Arpah Abdul Razak  
Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam

YBhg. Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal  
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Malaysia,

YBhg. Tan Sri Dr. Mohd Irwan Siregar bin Abdullah  
Ketua Setiausaha Perbendaharaan,

YBhg. Jeneral Tan Sri Dato' Sri (Dr.) Zulkifeli bin Mohd Zin  
Panglima Angkatan Tentera,

YBhg. Tan Sri Dato' Sri Khalid bin Abu Bakar  
Ketua Polis Negara,

Yang Berbahagia Ketua-Ketua Setiausaha Kementerian,

Yang Berbahagia Ketua-Ketua Jabatan Persekutuan,

Yang Berhormat Setiausaha-Setiausaha Kerajaan Negeri,

YBhg Timbalan-timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,

YBhg Pengarah INTAN,

Saudara Mohd Adam bin Zakria  
Pengarah Minggu Sintesis

Saudara Abdul Malek bin Abdullah  
Pengarah Projek Majlis Makan Malam ini

Pegawai-pegawai Kanan JPA dan INTAN. Wakil agensi-agensi Kerajaan dan rakan-rakan strategik INTAN dan seterusnya, saudara dan saudari para peserta Program Diploma Pascasiswazah Pengurusan Awam (DPA) INTAN tahun 2015 yang dihormati sekalian.

1. Alhamdulillah, saya memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan keizinanNya jua, kita diberi kesempatan untuk berhimpun di Majlis Makan Malam ini bagi meraikan saudara-saudari sekalian **seramai 291 orang** yang bakal menyertai perkhidmatan awam dan berkhidmat bersama-sama dengan pegawai-pegawai PTD yang lain.
2. Terima kasih kepada pihak INTAN atas penganjuran majlis makan malam ini dan memberikan saya kesempatan untuk beramah mesra bersama-sama para pegawai PTD muda. Syabas dan tahniah juga kepada pihak INTAN kerana telah berjaya mengendalikan Program Diploma Pasca-siswazah Pengurusan Awam (DPA) INTAN tahun 2015 dengan jayanya tanpa sebarang insiden yang tidak diingini.
3. Saya difahamkan bahawa majlis ini merupakan salah satu pengisian modul terakhir DPA dan memerlukan peserta menjayakan beberapa program sepanjang dua minggu ini sebelum ditempatkan di pelbagai Jabatan dan Agensi Kerajaan. Setinggi-tinggi tahniah saya ucapkan

kepada saudara dan saudari sekalian iaitu kadet LANTERA, kerana telah berjaya mengharungi perjalanan kursus untuk tempoh sepuluh bulan yang bermula pada 24 Mei 2015 yang lalu.

4. Jika diimbaz kembali dalam majlis pada 18 September 2014, saya telah menyarankan supaya komponen integrasi nasional diperkenalkan semula dalam kursus DPA dengan pengisian yang lebih bermakna bagi memberi kefahaman dan penghayatan kepada Kadet PTD mengenai latar belakang sejarah, sosio-budaya dan sistem perundangan di Negeri Sabah dan Sarawak. Saya berbesar hati kerana saranan saya itu, terus disambut kemas oleh INTAN dan hasrat saya itu terus direalisasikan dalam kursus Kadet PTD kali ini.

### **PERKHIDMATAN AWAM PERLU KEKAL RELEVAN**

Saudara dan Saudari sekalian,

5. Terdapat **2 cabaran utama** yang dihadapi perkhidmatan awam serata dunia. Pertama sekali iaitu **mewujudkan perkhidmatan awam yang dapat menangani isu-isu semasa** supaya kepimpinan negara terus mendapat sokongan rakyat. Keduanya, menangani persepsi dan pemikiran para penjawat awam bahawa mereka akan kekal berkhidmat sehingga umur persaraan wajib walaupun prestasi kerja adalah rendah.

6. Justeru itu, Perkhidmatan Awam negara kita telah melalui pelbagai evolusi dan perubahan dalam memastikan ia kekal relevan dengan ekspektasi rakyat dan kepimpinan tertinggi negara.

7. Dalam memastikan skim Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik terus mendapat kepercayaan kepimpinan negara dan skim-skim perkhidmatan lain untuk menerajui perkhidmatan awam, kita perlu sentiasa **menambahbaik dan melakukan perubahan terhadap cara kita memilih, melatih dan mewujudkan barisan pegawai PTD** yang disanjung atas ciri-ciri kepimpinan dan keupayaan mereka melaksanakan dasar kerajaan. Oleh demikian, penilaian ke atas kursus DPA dijalankan dari semasa ke semasa dan penambahbaikan daripada segi modul latihan dilakukan bila perlu.

## KEPIMPINAN DINAMIK DIPERLUKAN DALAM PERKHIDMATAN AWAM

8. Ekspektasi rakyat yang tinggi terhadap perkhidmatan awam memerlukan kepimpinan sektor awam yang dinamik, yang mampu menangani cabaran dan isu semasa menggunakan pendekatan inovatif.

9. Dalam mewujudkan kepimpinan yang dinamik dalam sektor awam, kita perlu **berani melakukan perubahan terhadap cara kita memilih barisan kepimpinan** dikalangan penjawat awam. Jika mengikut konvensyen dan norma, *seniority* atau kekananan daripada segi tempoh perkhidmatan merupakan faktor utama yang diambil kira dalam kenaikan pangkat seseorang penjawat awam, maka pada keadaan semasa, **kompetensi, keupayaan dan potensi kepimpinan merupakan penentu utama.**

10. Buktinya, terkini Ketua Setiausaha Kementerian Belia dan Sukan mulai 15 Mac 2016, iaitu YBhg Dato' Lokman Hakim yang berusia 45 tahun, merupakan KSU termuda dilantik setakat ini. Apa yang ingin saya menekankan di sini adalah perkhidmatan awam memerlukan **pemimpin yang berpengetahuan, berkebolehan** daripada segi menangani isu-isu melibatkan kepentingan negara dan perkhidmatan awam, **berpengalaman** daripada segi pendedahan kepada pelbagai organisasi dan persekitaran kerja serta mempunyai **finesse**.

## FAST-TRACK DAN EXIT POLICY

11. Kesemua ciri-ciri ini sememangnya merupakan kayu pengukur kepada potensi seseorang pegawai menjawat jawatan tinggi dalam kerajaan. Ini merupakan sebab kenapa selama ini kita memberikan penekanan kepada *seniority* sebab pada pandangan kita, lebih lama kita berkhidmat, lebih banyak pengalaman dan pengetahuan yang kita perolehi.

12. Namun, pemikiran seperti ini tidak lagi berpaksikan kepada realiti semasa. Pada keadaan semasa, seseorang pegawai seharusnya mampu mempunyai ciri-ciri ini dalam tempoh masa yang paling singkat. **The learning curve is and will be getting shorter.**

13. Oleh yang demikian, **dasar fast-track** telah diperkenalkan dimana para pegawai muda yang berkebolehan dan potensi akan dikenalpasti untuk jawatan-jawatan strategik. Saya percaya, tidak mustahil ada dikalangan saudara dan saudari sekalian, yang mampu menjawat jawatan KSU sekurang-kurangnya sebelum mencecah usia 50 tahun.

Saudara-saudari yang saya hormati sekalian,

14. Walaupun demikian, saya ingin mengingatkan saudara-saudari sekalian **menanamkan hasrat untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diberikan dengan sebaik mungkin** tanpa terlalu memikirkan mengenai kenaikan pangkat, ganjaran dan sebagainya.

15. Disebalik dasar kita untuk mengenalpasti para pegawai yang boleh dinaikkan pangkat secara *fast-track*, kita juga mempunyai **exit policy**. Tujuannya adalah untuk mengeluarkan anggota perkhidmatan awam yang **tidak lagi berupaya menambah nilai dan menyumbang kepada peningkatan produktiviti sektor awam**. Jika kita tidak berbuat demikian, dikhuatiri masalah ini akan menular di perkhidmatan awam.

16. Saya yakin, sekiranya saudara-saudari berkeupayaan dan berkebolehan, potensi anda akan mendapat perhatian sewajarnya oleh pihak pengurusan tinggi perkhidmatan awam.

## **PENJAWAT AWAM MEMIKUL AMANAH MELAKSANAKAN DASAR KERAJAAN**

Hadirin Yang Dihormati Sekalian,

17. Dalam pada itu, saya mengambil kesempatan ini untuk mengingatkan saudara dan saudari agar memahami dan menyokong dasar dan Agenda Transformasi Negara terutamanya Rancangan Malaysia ke-11 yang menitikberatkan keseimbangan diantara Capital Economy dan People Economy.

18. Saudara-saudari sekalian memikul amanah besar dalam memastikan kelestarian usaha menjayakan segala program transformasi yang telah diperkenalkan oleh Kerajaan. Berilah tumpuan dan sokongan sepenuhnya kepada pelaksanaan dasar atau program utama Kerajaan yang telah dirancang apabila saudara/saudari ditempatkan di kementerian–kementerian atau agensi-agensi kerajaan kelak.

#### **NILAI INTEGRITI MENDASARI PERKHIDMATAN AWAM**

19. Dalam kita berlumba-lumba mengejar kejayaan, kita tidak seharusnya lupa asas yang paling penting yang mendasari perkhidmatan kita iaitu Integriti. Berita semalam telah melaporkan mengenai seorang pegawai kanan kementerian yang dikatakan telah mengumpulkan aset berjuta ringgit dan disyaki melakukan rasuah. Oleh demikian, saya ingin menasihati saudara dan saudari sekalian agar tidak terjerumus di dalam kancah rasuah menggunakan jawatan yang disandang oleh saudara-saudari sekalian.

#### **BERTANGGUNGJAWAB DALAM PENGGUNAAN MEDIA SOSIAL**

#### **PENUTUP**

Saudara dan saudari sekalian,

20. Selaras dengan aspirasi *building tomorrow's leaders today* dan bakat kepimpinan yang telah digilap dan diasah sepanjang program DPA INTAN, saya percaya saudara dan saudari sekalian sudah bersedia untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik di gelanggang Perkhidmatan Awam.

21. Bagi pihak INTAN, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada rakan-rakan strategik INTAN iaitu pihak Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (BOMBA), Outward Bound School (OBS), Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah, Setiausaha Persekutuan Sabah dan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) atas kerjasama erat dalam menjayakan program DPA INTAN kali ini.

22. Akhir kata, kepada semua kadet LANTERA, Selamat Maju Jaya diucapkan dan semoga saudara dan saudari sekalian akan dapat berkhidmat dengan cemerlang tidak kira di mana sahaja ditempatkan kelak.

Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan ini merasmikan Minggu Sintesis Peserta Program Diploma Pasca-siswazah Pengurusan Awam (DPA) INTAN Tahun 2015.

Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatu

**©2016 Copyright Reserved SMPKE, Prime Minister's Office**

Source: <http://www.pmo.gov.my/ksn/home.php?frontpage/speech/detail/2050>